



SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 1980

Tuan,

SKIM PERKHIDMATAN JURUTAIP

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas dan suacita memaklumkan bahawa Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia dan hendaklah berkuatkuasa mulai 11hb Mac, 1980. Bersama-sama ini dikembarkan satu salinan Skim Perkhidmatan Jurutaip yang seragam bagi Perkhidmatan Awam termasuk Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan seperti di [Lampiran "A"](#) kepada Surat Pekeliling ini untuk makluman dan kegunaan tuan. Skim Perkhidmatan ini menggantikan Skim Perkhidmatan yang berkuatkuasa sekarang yang telah diluluskan melalui [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 tahun 1973](#) dalam JPA. Sulit 313 / Bhg. 93 / (57) bertarikh 29hb Mei, 1973.

2. Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini telah diperkemaskan dengan mengandungi perbekalan-perbekalan tertentu sesuai dengan perkembangan perkhidmatan Jurutaip masakini. Pembaharuan-pembaharuan penting dalam Skim Perkhidmatan Jurutaip ini termasuklah perbekalan-perbekalan seperti berikut :

- (i) Perbekalan-perbekalan ujian kederasan menggantikan perbekalan ujian tahunan sepertimana yang terdapat dalam Skim Perkhidmatan Jurutaip yang telah diluluskan melalui [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 tahun 1973](#).
- (ii) Perbekalan bagi menetapkan ujian kederasan menaip diadakan sebanyak dua kali setahun.
- (iii) Penghapusan syarat lulus ujian kederasan menaip bagi maksud pengesahan dalam jawatan.
- (iv) Perbekalan mengenai Jurutaip dibenarkan menerima kenaikan gaji tahunan tetapi tidak dibenarkan meningkat ke jawatan yang lebih tinggi selagi tidak mencapai kederasan menaip yang ditetapkan bagi tingkatan tersebut.
- (v) Perbekalan mengenai syarat lulus Peperiksaan Khas untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas atas tanggagaji D7 : \$495 x 25-595, dan
- (vi) Perbekalan mengenai pembayaran elaun tidak berpencen.


3. Sehubungan dengan ini adalah dijelaskan bahawa pengujudan jawatan Tingkatan Khas tersebut itu hendaklah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti penyeliaan, tugas menaip kerja khas dan kegunaan mesin yang khas. Pembayaran elaun tidak berpencen akan ditetapkan atas kadar tertentu oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari masa kesemasa.

4. Skim Perkhidmatan Jurutaip yang dikuatkuasakan melalui [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 11 tahun 1973](#) adalah dengan ini dibatalkan.

5. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri adalah diminta menyampaikan kandungan surat dan Skim Perkhidmatan Jurutaip yang baru ini kepada pegawai-

pegawai yang bertanggungjawab dalam hal ehwal perkhidmatan dan perjawatan untuk tindakan sewajarnya dan juga kepada pengetahuan semua Jurutaip yang terlibat.

Saya yang menurut perintah,



(SHAMSUDDIN BIN DAHLAN)
*Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

24hb Jun, 1980

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sabah.

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Cawangan Sarawak.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Ketua Setiausaha, Perbadanan Malaysia.

Ketua Odit Negara.

LAMPIRAN "A"

SKIM PERKHIDMATAN

JURUTAIP

TARIKH KUATKUASA : 11hb Mac, 1980

KUMPULAN "D"

Jawatan	Tanggagaji
Tingkatan III	D15 \$235 x 15-310 / Sekatan : Ujian Kederasan
Tingkatan II	\$325 x 15-370
Tingkatan I	\$395 x 25-495
Tingkatan Khas	D7 : \$495 x 25-595

1. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak melebihi 25 tahun. UMUR Calon-calon daripada pegawai-pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap, termasuk mereka dalam percubaan hendaklah berumur tidak melebihi 50 tahun.
2. Calon-calon bagi lantikan terus hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut **KELAYAKAN MASUK**
 - :
 - (a) (i) Lulus Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, dan
 - (ii) Lulus Ujian Menaip seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 di bawah.
 - dan (b) Kepujian Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - 3. Permohonan-permohonan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, **PERMOHONAN Suruhanjaya Perkhidmatan Awam** yang berkenaan.
 - 4. (a) Calon-calon dikehendaki mengambil satu Ujian Menaip; **UJIAN MASUK**
 - (b) Calon-calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa:
 - (i) Sijil Kecekapan; dan
 - (ii) Sijil Ujian Laju pada Peringkat Pertengahan atau Peringkat Tertinggi,boleh dikecualikan daripada Ujian menaip yang disyaratkan itu.
 - (c) Calon-calon yang lulus Ujian Menaip dengan mencapai kederasan yang disyaratkan di bawah ini adalah layak dilantik terus pada tingkatan mengikut kederasan yang dicapainya :
 - 1. Tingkatan I : \$395 x 25-495
 - 2. Tingkatan II : \$325 x 15-370
 - 3. Tingkatan III : D15 \$235 x 15-310 / Sekatan Ujian Kederasan

	(i) Tingkatan III	Kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 25 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak lebih daripada 4%.	
	(ii) Tingkatan II	Kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 35 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 40 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak lebih daripada 4%.	
	(iii) Tingkatan I	Kebolehan menaip dengan kederasan paling rendah 45 p.s.m. daripada naskah bertulis yang jelas dan 50 p.s.m. daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak lebih daripada 4%.	
(d)	Calon-calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan dalam taip-menaip dalam kedua-dua fasa seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 (b) di atas pada Peringkat Pertengahan adalah layak dilantik sebagai Jurutaip Tingkatan III dan mereka yang memperolehi kelulusan pada peringkat tertinggi adalah layak dilantik sebagai Jurutaip Tingkatan II.	PENEMPATAN BAGI CALON-CALON YANG MEMPUNYAI KELULUSAN SIJIL PERDAGANGAN MALAYSIA	
5.	Calon-calon yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam percubaan di antara 1 hingga 3 tahun.	TEMPOH PERCUBAAN	
6.	Jurutaip boleh dikehendaki mengikuti kursus latihan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.	LATIHAN	
7.	Jurutaip dalam percubaan yang telah :	PENGESAHAN	
	(i) menamatkan tempoh percubaan dengan memuaskan, dan		
	(ii) diperakuan oleh Ketua Jabatan,		
	adalah layak disahkan dalam jawatan.		
8.	Jurutaip Tingkatan III dan II adalah layak mengambil ujian kederasan bagi maksud kemajuan ke tingkatan yang lebih tinggi mengikut kederasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4 (c) (ii) atau (iii). Ujian kederasan ini hendaklah diadakan oleh Ketua Jabatan 2 kali setahun.	UJIAN KEDERASAN	
9.	Jurutaip yang telah mengambil ujian kederasan dan mencapai darjah kederasan bagi satu-satu tingkatan yang lebih tinggi daripada tingkatannya	KEMAJUAN KE TINGKATAN	

	adalah dibenarkan meningkat ke tingkatan yang lebih tinggi itu berkuatkuasa mulai daripada hari pertama bulan yang berikut selepas Ujian tersebut diadakan.	YANG LEBIH TINGGI
10.	Jurutaip Tingkatan I yang telah disahkan dalam jawatan adalah layak menduduki peperiksaan Khas Jurutaip Tingkatan Khas.	PEPERIKSAAN UNTUK KENAIKAN PANGKAT KE TINGKAT KHAS
11.	<p>Jurutaip Tingkatan I yang telah :</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam jawatan, (b) lulus Peperiksaan Khas, (c) berkhidmat selama 1 tahun dengan menerima gaji paling tinggi dalam Tingkatan I, dan (d) mendapat Sijil Akuan dari Ketua Jabatannya bahawa dari segi prestasi kerja dan kelakuannya ia telah menunjukkan potensi untuk maju dalam perkhidmatan seterusnya, 	KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN JURUTAIP TINGKATAN KHAS
12.	<p>adalah layak ditimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong.</p> <p>Jurutaip adalah layak menerima elauan-elaun tidak berpencen seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.</p>	ELAUN TIDAK BERPENCEN